

Laluan Downtown (DTL) yang terbaru dalam rangkaian MRT Singapura. Fasa pertama dan kedua DTL masing-masing dilancarkan pada 2013 dan 2015. Ia antara lain menghubungkan penumpang dari Bukit Panjang ke kawasan bandar dalam kurang setengah jam. Fasa ketiga dibuka tahun ini, dengan penumpang boleh menjangka perjalanan lebih cepat dari stesen Bukit Panjang ke stesen Expo, merentasi Bukit Timah dan bandar, tanpa perlu bertukar kereta api. **ERVINA MOHD JAMIL** (ervinamj@sph.com.sg) mengajak anda menjelajah tempat menarik, seperti ruang riadah, tempat makan dan pusat beli-belah, di sekitar setiap stesen sepanjang DTL. Hentian minggu ini Botanic Gardens, Stevens dan Newton.

# Tempat menarik semakin 'dekat'

LALUAN MRT terbaru di Singapura – Laluan Downtown (DTL) – memudahkan perjalanan bukan sahaja penduduk tempatan, bahkan pelancong dari luar negara, yang boleh pergi ke beberapa tarikan di sini dengan lebih mudan dan cepat.

Dari stesen Botanic Gardens, misalnya, pengunjung boleh ke Kebun Bunga Singapura (SBG) menerusi Bukit Timah Gate, yang terletak sebelah stesen MRT itu.

Menurut beberapa pengunjung SBG yang ditemui Berita Harian baru-baru ini, mereka mendapati lebih mudah ke sana dengan menaiki MRT.

Antara mereka ialah Cik Lem Jia Hui, 21 tahun, serta sepupunya, Cik Carmen Taw, 24 tahun, yang berkunjung ke SBG dari Johor.

“Dengan banyak laluan MRT berbeza, lebih senang dan cepat nak datang ke sini. Tak susah nak cari tempat ini, cuma naik MRT dan keluar stesen saja dah sampai.

“Kami mahu cuba gunakan DTL untuk ke tempat lain selepas ini pula,” ujar Cik Lem.

Malah, dengan stesen DTL Botanic Gardens merupakan stesen pertukaran yang menghubungkan penumpang dengan Laluan Circle (CCL), seorang pegawai peronda di SBG berkata beliau mendapati lebih ramai pengunjung di kebun bunga itu, termasuk pada hari biasa sejak fasa kedua DTL (DTL2) dilancarkan.

Stesen Botanic Gardens antara stesen di bawah DTL2 yang dibuka pada 27 Disember 2015.

Penduduk dan pelancong yang mempunyai anak juga boleh ke taman kanak-kanak pertama di Asia, iaitu Taman Kanak-Kanak Jacob Ballas, yang terletak kira-kira lima minit berjalan kaki dari stesen Botanic Gardens.


Dengan pelbagai pembangunan sedang dijalankan di SBG, orang ramai juga boleh menjangka pelbagai pengalaman baru kelak, antaranya di Taman Etnobotani, yang dijangka siap lewat tahun ini.

Selain SBG, tempat yang sekarang lebih mudah dituju dengan DTL ialah Masjid Ba'alwie di 2 Lewis Road – dekat stesen MRT Stevens.

Menurut seorang anggota jemaah masjid itu, Encik Mohamed Salleh Ibrahim, 77 tahun, DTL memudahkan sesetengah orang, khususnya jemaah muda, pergi ke masjid itu, tetapi mungkin tidak begitu bagi jemaah lebih tua.

“Jemaah muda mungkin suka dengan DTL tetapi bagi jemaah lebih tua, mungkin agak susah sikit kerana penumpang perlu jalan agak jauh untuk bertukar dari satu laluan ke laluan lain.

“Lagipun oleh sebab laluan ini masih agak baru, papan tanda arahnya mungkin mengelirukan bagi sesetengah penumpang yang lebih



- Laluan Downtown (DTL)**
- DTL1 (6 stesen)** - Bugis, Promenade, Bayfront, Downtown, Telok Ayer dan Chinatown - dibuka pada 22 Disember 2013.
  - DTL2 (12 stesen)** - Bukit Panjang, Cashew, Hillview, Beauty World, King Albert Park, Sixth Avenue, Tan Kah Kee, Botanic Gardens, Stevens, Newton, Little India dan Rochor - dibuka pada 27 Disember 2015.
  - DTL3 (16 stesen)** - Fort Canning, Bencoolen, Jalan Besar, Bendemeer, Geylang Bahru, Mattar, MacPherson, Ubi, Kaki Bukit, Bedok North, Bedok Reservoir, Tampines West, Tampines, Tampines East, Upper Changi dan Expo - bakal dibuka tahun ini.
- Apabila siap sepenuhnya, Laluan Downtown (DTL) yang sepanjang 42 kilometer akan menjadi laluan MRT bawah tanah tanpa pemandu terpanjang di dunia dan akan dimanfaatkan sekitar setengah juta penumpang setiap hari.
- Jumlah pengguna DTL setiap hari pada hari biasa secara purata naik tiga kali ganda – daripada 83,000 orang pada Oktober 2015 sebelum DTL2 dibuka kepada lebih 250,000 orang pada pertengahan Julai lalu.

berusia,” ujar Encik Mohamed Salleh yang tinggal di Aljunied dan pergi ke masjid itu dua kali seminggu.

Tidak jauh dari stesen Stevens juga, orang ramai boleh menyertai pelbagai kegiatan dan program di Kelab Masyarakat Tanglin.

Beberapa stesen MRT DTL pula berdekatan beberapa pusat makanan popular dalam kalangan warga tempatan, seperti Pusat Makanan Adam Road (dekat stesen Botanic Gardens) dan Pusat Makanan Newton (dekat stesen Newton).

Ini membolehkan orang ramai menjamu selera bersama teman dan keluarga baik pada waktu makan tengah hari mahupun selepas kerja tanpa perlu memikirkan apakah ada ruang bagi kereta mereka di tempat letak kereta.

Mereka boleh saja menaiki kereta api DTL ke sana.



**MUDAH BAGI JEMAAH:** Encik Mohamed Salleh berkata DTL memudahkan jemaah pergi ke Masjid Ba'alwie dari stesen Stevens. – Foto-foto ZAINAL YAHYA



**MUDAH BAGI PENGUNJUNG:** Cik Lem (kanan) dan Cik Taw, dari Johor, mendapati senang mengunjungi Kebun Bunga Singapura dengan menaiki MRT DTL.

## SEKILAS TEMPAT MENARIK

**KEBUN BUNGA SINGAPURA**  
Boleh dikunjungi menerusi Bukit Timah Gate, selepas keluar dari stesen Botanic Gardens (Pintu Keluar A). Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) pertama Singapura ini menawarkan pengunjung pelbagai pengalaman berbeza. Orang ramai juga boleh berkunjung ke Taman Kanak-Kanak Jacob Ballas di SBG.

**PUSAT MAKANAN ADAM RD**  
Sekitar lima minit berjalan kaki dari stesen Botanic Gardens. Pusat makanan yang baru menjalani kerja pembaikan ini menyediakan pelbagai juadah termasuk nasi lemak, sup kambing dan mi goreng.

**KELAB MASYARAKAT TANGLIN**  
Sekitar enam minit berjalan kaki dari stesen Stevens. Orang ramai boleh menyertai pelbagai kegiatan dan program di kelab masyarakat ini.

**PUSAT LAPORAN RASUAH DAN WARISAN CPIB**  
Sekitar lima minit berjalan kaki dari stesen Stevens. Pengunjung boleh mengetahui lebih lanjut tentang rasuah dan mengenali peranan CPIB dengan lebih dekat di pusat ini.

**MASJID BA'ALWIE**  
Sekitar enam minit berjalan kaki dari stesen Stevens. Antara masjid berhampiran stesen DTL.

**PUSAT MAKANAN NEWTON**  
Sekitar lima minit berjalan kaki dari stesen Newton. Pusat makanan ini sangat popular dalam kalangan warga setempat dan pelancong.



**STESEN BOTANIC GARDENS**



**PUSAT MAKANAN NEWTON**



**PUSAT LAPORAN RASUAH DAN WARISAN CPIB**

## Pusat lapor rasuah, kenali CPIB sepelaung dari stesen Stevens

DARIPADA uniform yang dipakai pegawai Biro Siasatan Amalan Rasuah (CPIB) sebelum Singapura merdeka kepada mesin taip yang digunakan mereka pada 1970-an.

Itulah antara artefak yang dipamerkan di Pusat Laporan Rasuah dan Warisan CPIB (CRHC) di 247 Whitley Road, iaitu lokasi lama Pondok Polis Kejiranan (NPP) Whitley.

Pusat yang baru dibuka awal bulan lalu itu terletak sekitar lima minit jalan kaki dari stesen MRT Stevens.

Orang awam antara lain boleh membuat aduan tentang kejadian rasuah dengan pegawai yang bertugas di pusat tersebut.

Menurut CPIB sebelum ini, lokasi pusat itu dalam kawasan pusat Singapura dan dekat dengan stesen MRT Stevens menjadikan lebih mudah bagi orang awam berkunjung ke sana untuk melaporkan tentang kejadian rasuah yang disyaki.

Pusat itu juga menempatkan galeri interaktif tentang rasuah pertama di Singapura.



**JEJAK WARISAN CPIB:** Antara artefak di Pusat Laporan Rasuah dan Warisan CPIB ialah mesin taip, kamera dan uniform lama pegawai biro itu.

Orang ramai boleh mengunjunginya dari 10 pagi hingga 7 malam dari Isnin hingga Jumaat dan dari 10 pagi hingga 4 petang setiap Sabtu, kecuali hari cuti umum.

Pengunjung antara lain boleh menyusuri perjalanan Singapura menentang rasuah selama ini, dengan kata-kata yang ditekankan Perdana Menteri Pen-

gas Lee Kuan Yew pada 2012 mengenai usaha itu diabdikan pada sebuah tembok di pusat tersebut: “... Memastikan Singapura kekal bersih dan bebas daripada rasuah... memerlukan azam politik teguh, sikap sentiasa berwaspada dan usaha berterusan...”

Beberapa artefak, termasuk kamera yang di-

gunakan pegawai CPIB bagi siasatan dan operasi dahulu serta nota yang ditulis sendiri mantan pengarah CPIB, Encik P. Rajaratnam pada 1959, turut dipamer di galeri itu.

Pengunjung juga boleh mengenali peranan CPIB dan mengetahui tentang rasuah dengan lebih dekat serta membaca tentang kes yang pernah berlaku di CRHC itu.